



كو فير اسي كورو ملايو كلنتن برحد
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD (1382)
(KOOP GURU)
(DITUBUHKAN PADA TAHUN 1938)

Koop Guru : 102/14/(16)
Tarikh : 14 September 2021

Kepada,

Semua Anggota,
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad.
Kawasan Kota Bharu 1.

Tuan/Puan,

**NOTIS DAN JEMPUTAN MESYUARAT AGUNG KAWASAN KALI KEEMPAT BELAS – KOTA BHARU 1 2021
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD (KOOP GURU)**

Dengan segala hormatnya tuan/puan dijemput dan dipersilakan hadir di mesyuarat (secara Tele-Conferencing Zoom Meeting) yang tersebut di atas pada tarikh, masa dan tempat sebagaimana tersebut di bawah :-

Tarikh : 08 Oktober 2021 (Jumaat)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Aplikasi Tele-Conferencing Zoom Meeting (Virtual Hibrid)

Pusat Siaraya : Pejabat Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad, Jalan Pengkalan Chepa

Masa Pendaftaran : 07 Oktober 2021 (Khamis), 3.00 petang hingga 7.00 petang &
(Atas Talian) 08 Oktober 2021 (Jumaat), 7.30 pagi hingga 9.00 pagi

2. Kaedah mesyuarat agung kawasan bagi tahun 2021 ini adalah berpandukan *Garis Panduan 14B (GP14B) : Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Wilayah atau Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Semasa Penularan Pandemik COVID-19* yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
3. Tuan/Puan digalakkan melayari laman web koperasi (www.koopguru.com.my) atau laman facebook rasmi koperasi @koperasi guru melayu kelantan berhad untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung dengan Mesyuarat Agung Kawasan ini.
4. Agenda mesyuarat adalah seperti berikut :-
 - i. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
 - ii. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
 - iii. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-13.
 - iv. Menimbang Laporan Lembaga 2020.
 - v. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-26 Tahun 2021.
 - vi. Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2020.
 - vii. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2022 semakan 2021 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Kali Ke-26 Tahun 2021.
 - viii. Menimbang cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
 - ix. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.
5. Sila rujuk **panduan** anggota untuk **mendaftar** dan menghadiri Mesyuarat Agung Kawasan secara atas talian ini sebagaimana lampiran atau di laman web koperasi (www.koopguru.com.my).
6. Anggota-anggota yang ingin mengemukakan usul-usul untuk dibincang dan dilulus dalam Mesyuarat Agung Kawasan, sila kemukakan usul-usul tersebut kepada Setiausaha Lembaga, tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD

(HAJI MOHD RAZALI B. HAJI BAKAR)
Setiausaha Lembaga

s.k. :

1. Tuan Pengarah,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kelantan,
Wisma Persekutuan, Kota Bharu
2. Semua Anggota Lembaga

Lot 2333, Bangunan Koop Guru Padang Bongor, Jalan Pengkalan Chepa, 15400 Kota Bharu, Kelantan.

TEL : 09-7482481/ 7448093 PKA : 09-7439958 FAX : 09-7441284

Website : www.koopguru.com.my / Email : kgmkb@koopguru.com.my



كو فير اسي نورو ملا يو كلنتن برحد

KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD (1382)

(KOOP GURU)

(DITUBUHKAN PADA TAHUN 1938)

Koop Guru : 102/14/(17)
Tarikh : 14 September 2021

Kepada,
Semua Anggota,
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad.
Kawasan Kota Bharu 1.

Tuan/Puan,

**PENAMAAN CALON PERWAKILAN KAWASAN KOTA BHARU 1 – 2021
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD (KOOP GURU)**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa bagi maksud seksyen 37 Akta Koperasi 1993, anggota perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Kawasan. Mesyuarat Agung Kawasan **Kota Bharu 1** akan diadakan pada **08 OKTOBER 2021 (JUMAAT)**.

Bagi memudahkan pemilihan anggota perwakilan dari kawasan-kawasan, Lembaga Koperasi telah memutuskan bahawa pencalonan hendaklah dibuat lebih awal.


1. Tuan/Puan bolehlah dicalon, menyokong atau mencadang mana-mana anggota Koperasi yang sedang berkhidmat dalam kawasan tuan/puan sebagai wakil kawasan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi.
2. Semua pencalonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan "**BORANG PENAMAAN CALON PERWAKILAN KAWASAN KOTA BHARU 1**" yang boleh dimuat turun melalui laman web koperasi (www.koopguru.com.my) mulai jam 10.00 pagi, **19 SEPTEMBER 2021 (AHAD)**.
3. Borang Penamaan Calon dan profil calon yang lengkap diisi hendaklah sampai ke Pejabat Setiausaha Lembaga Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad, tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari, 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**.
4. Borang Penamaan Calon yang lengkap diisi hendaklah dihantar melalui email koperasi (koopguru1382@gmail.com) atau melalui fax di talian **09-7441284**. Penghantaran Borang secara bersemuka TIDAK DIGALAKKAN bagi mengelak penularan wabak COVID 19.

Kelayakan calon/penyokong/pencadang

1. Anggota yang telah menjelaskan bayaran penuh satu ratus ringgit syer.
2. Telah menjadi anggota Koperasi tidak kurang dari tiga bulan, sebelum tarikh mesyuarat agung kawasan yang berkenaan.
3. Yuran tidak tertunggak selama 6 (enam) bulan berturut-turut.
4. Anggota yang berhasrat untuk menjadi calon, penyokong dan pencadang hendaklah sedang berkhidmat dalam kawasan berkenaan. Bagi anggota bersara hendaklah bermastautin dalam kawasan berkenaan.
5. Penyokong atau pencadang hanya boleh menjadi penyokong atau pencadang kepada seorang calon sahaja.
6. Calon, Penyokong dan Pencadang hendaklah bebas dari pada hutang kecuali hutang melalui potongan gaji.
7. Anggota hendaklah mengisi Borang Penamaan Calon dan profil calon dengan sempurna. Koperasi berhak menolak mana-mana calon yang tidak memenuhi syarat dan pengisian borang permohonan yang tidak lengkap.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD


(HAJI MOHD RAZALI B. HAJI BAKAR)
Setiausaha Lembaga,

s.k. :

1. Tuan Pengarah,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kelantan, Wisma Persekutuan, Kota Bharu
2. Semua Anggota Lembaga
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad

Lot 2333, Bangunan Koop Guru Padang Bongor, Jalan Pengkalan Chepa, 15400 Kota Bharu, Kelantan.

TEL : 09-7482481/ 7448093 PKA : 09-7439958 FAX : 09-7441284

Website : www.koopguru.com.my / Email : kgmkb@koopguru.com.my

**PANDUAN ANGGOTA UNTUK MENDAFTAR DAN MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG KAWASAN
SECARA ATAS TALIAN**

A) Tatacara Pelaksanaan Mesyuarat Atas Talian

- i. Anggota mestilah bersiap sedia dengan perkakasan dan talian internet yang bersesuaian untuk membolehkan akses ke mesyuarat melalui aplikasi ZOOM MEETING.
- ii. **Buku Panduan Pendaftaran** dalam bentuk digital (PDF) bolehlah dirujuk di laman web koperasi (www.koopguru.com.my) atau laman facebook rasmi koperasi @koperasi guru melayu kelantan berhad.
- iii. Pendaftaran kehadiran anggota hanya akan di ambil kira menerusi sistem e-AGM yang digunapakai secara rasmi (<https://sola.my/eagm>).
- iv. Pendaftaran hanya akan dibuka bermula **jam 3.00 petang hingga 7.00 petang pada hari Khamis, 07 Oktober 2021 dan akan disambung pada hari Jumaat, 08 Oktober 2021 bermula jam 7.30 pagi hingga 9.00 pagi.**
- v. Hanya anggota rasmi koperasi mengikut kawasan masing-masing sahaja dibolehkan mengikut mesyuarat. **PENTING** : Sila ingat **NO.KP** masing-masing dan **KOD MESYUARAT : kgmk03**
- vi. Pautan ZOOM MEETING untuk menyertai mesyuarat secara atas talian hanya akan aktif selepas anggota berjaya mendaftar kehadiran di sistem.

B) Soal Jawab Semasa Mesyuarat Berlangsung

- i. Pengerusi Mesyuarat akan memberi kebenaran untuk bercakap kepada anggota yang terdahulu "Raise Hand" dalam ZOOM Meeting. Maksima 4 orang sahaja dibenarkan bercakap atau mengajukan soalan pada satu-satu agenda.
- ii. Soalan yang diajukan hendaklah menjurus kepada agenda semasa dalam mesyuarat sahaja dan sebarang komen yang tidak berkaitan, mempunyai unsur-unsur tidak sihat dan provokes adalah tidak dibenarkan sama sekali dan tidak akan dilayan.
- iii. Ruangan 'Chat' hanya dibuka untuk soalan yang tertentu sahaja yang berkaitan dengan agenda.
- iv. Pengerusi Mesyuarat dengan dibantu urusetia teknikal (Co-Host) akan memaklumkan dan mengawal sesi soal jawab semasa mesyuarat berlangsung.

C) Proses Pengundian Pemilihan Anggota Perwakilan Koperasi (jika ada pemilihan)

- i. Pengundian Pemilihan Anggota Perwakilan diadakan secara atas talian (<https://sola.my/eagm>) dan jumlah Perwakilan yang akan dipilih sebagaimana yang telah ditetapkan mengikut kawasan masing-masing.
- ii. Proses pengundian akan dibuka pada hari mesyuarat bermula jam 7.30 pagi sehingga Pengerusi Mesyuarat membuat pengumuman tutup pengundian.
- iii. Panduan untuk mengundi bolehlah dirujuk di laman web koperasi (www.koopguru.com.my).
- iv. Keputusan Pengundian akan dipaparkan di akhir mesyuarat.

D) Elaun Kehadiran Mesyuarat Agung Kawasan

- i. Pengerusi akan membuat pengumuman masa 'log out' atau jangkaan tempoh masa berada di dalam Zoom Meeting semasa mesyuarat berlangsung.
- ii. Hanya anggota yang mendaftar mesyuarat di sistem dan "log out" mengikut ketetapan tempoh berada dalam Zoom Meeting yang ditetapkan sahaja layak dipertimbangkan elaun.
- iii. Bayaran elaun akan dikreditkan di dalam akaun anggota dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat.

E) Buku Laporan Tahunan / Penyata Kewangan Tahunan / Minit Mesyuarat Agung Kawasan yang lepas /Lain-lain dokumen

- i. Anggota boleh muat turun di laman web koperasi (www.koopguru.com.my) dalam tempoh tiga hari sebelum mesyuarat berlangsung.

**HARI PENDAFTARAN
MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK)
KOTA BHARU 1
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD**

**HARI PERTAMA, 07 OKTOBER 2021 (KHAMIS)
(Sehari sebelum MAK)**

3.00 ptg – 7.00 ptg - Pendaftaran Anggota ke Mesyuarat Agung Kawasan secara atas talian di dalam sistem pendaftaran e-AGM (<https://sola.my/eagm>)

**ATUCARA
MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK)
KOTA BHARU 1
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD**

HARI KEDUA, 08 OKTOBER 2021 (JUMAAT)

7.30 pagi – 9.00 pagi - *Log in* di sistem (<https://sola.my/eagm>) untuk memasuki Zoom Meeting (Mesyuarat Atas Talian) dan sambungan sesi pendaftaran

(Anggota boleh terus membuat pengundian pemilihan perwakilan setelah berjaya mendaftar, jika ada pengundian)

9.00 pagi – 9.30 pagi - **Ucapan Pengerusi Lembaga**
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad

9.30 pagi - **MESYUARAT AGUNG KAWASAN BERMULA MENGIKUT AGENDA**

10.30 pagi - *Log in* di sistem (<https://sola.my/eagm>) untuk sesi pengundian (pemilihan perwakilan kawasan).

- Agenda mesyuarat diteruskan selepas pengumuman pengundian.

12.00 tgh - Bersurai